# ASPIRASI

## RKK KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM, KAJANG 2020

ASPIRASI RKK KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM, KAJANG 2020 ADALAH MENJURUS KEPADA PEMBENTUKAN PERSEKITARAN KEDIAMAN YANG BERCIRI KOMUNITI PERKAMPUNGAN TRADISI DALAM SUASANA DAN ERA KEHIDUPAN MODEN

Matlamat bagi menjayakan aspirasi ini :

**“membangunkan dan memajukan KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM sebagai penempatan yang lengkap dengan kemudahan berkualiti dan serasi dengan perbandaran di sekitarnya”**

# LATAR BELAKANG KEPENDUDUKAN

Jumlah Penduduk 2010 : 7,037 orang

Penduduk Majoriti : 76% Melayu
16 % Bukan Warganegara

Jumlah Kediaman : 1,627 unit kediaman Sedia Ada

Struktur Umur : 67% penduduk merupakan Gen Y dan Z



Baby Boomers > 837 (11%)

Gen X > 1,309 (18%)

Gen Y > 2,508 (34%)

Gen Z > 2,382 (33%)

- Baby Boomers lahir pada tahun 1965 dan sebelumnya (umur pada tahun 2013-48 tahun ke atas)
- Gen X - Lahir di antara tahun 1966-1976 (umur pada tahun 2013- antara 37 tahun - 47 tahun)
- Gen Y - Lahir di antara tahun 1977-1994 (umur pada tahun 2013- antara 19 tahun - 36 tahun)
- Gen Z - Lahir di antara tahun 1995-2012 (umur pada tahun 2013- 1 tahun - 18 tahun)

# PROFAIL KAWASAN RKK

Jumlah Keluasan : 282.80 hektar/698.81 ekar
Status : Tanah Rezab Melayu
Lokasi : Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat
Pembangunan Sekitar : Sek. 8, Bandar Baru Bangi (Selatan), Taman Desa Surada (Timur), Taman Sri Ramal (Utara), Country Heights (Utara) Kawasan Perindustrian Sek.10 (Barat)
PBT : Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)



Petunjuk:

Skala 1 : 10,000

| GUNA TANAH SEMASA | KELUASAN (HEKTAR) | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| Perumahan | 108.29 | 38.29 |
| Komersial | 7.51 | 2.66 |
| Industri | 2.98 | 1.05 |
| **KEMUDAHAN MASYARAKAT** | | |
| Pendidikan | 4.53 | 1.60 |
| Perkuburan | 2.43 | 0.86 |
| Keagamaan | 0.26 | 0.09 |
| Kemudahan Komuniti | 0.32 | 0.11 |
| **TANAH LAPANG REKREASI** | | |
| Tanah Lapang | 0.95 | 0.34 |
| Kawasan Hijau | 0.35 | 0.12 |
| Kawasan Rekreasi Komersial | 1.84 | 0.65 |
| **TANAH KOSONG** | | |
| Semak/Belukar | 99.80 | 35.29 |
| Tapak Projek Dalam Pembinaan | 5.73 | 2.03 |
| Projek-Projek Komited | 16.01 | 5.66 |
| **INFRASTRUKTUR DAN UTILITI** | | |
| Bekalan Elektrik | 0.33 | 0.12 |
| Pembentungan | 0.25 | 0.09 |
| **PERTANIAN** | | |
| Pertanian Komersial | 4.64 | 1.64 |
| **LAIN - LAIN** | | |
| Jalan | 23.90 | 8.45 |
| Badan Air Semula Jadi | 2.58 | 0.91 |
| JUMLAH | 282.80 | 100 |

# PROSES PENYEDIAAN

## RKK KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM, KAJANG 2020

1 ***Rangka Kerja Awal***
*Menyediakan rangka kerja pelan kawasan khas sama ada semasa rancangan tempatan disediakan atau sebelum/selepas rancangan tempatan berkuatkuasa.*

2 ***Rancangan Pelan Kawasan Khas (Akta Pindaan 2001)***
*Rancangan terperinci berasaskan Rancangan Struktur Negeri Selangor dan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang. Mengubal cadangan dan garis panduan selaras dengan dasar Rancangan Struktur Negeri Selangor.*

3 ***Publisiti & Penyertaan Awam***
*Memberitahu orang awam penyediaan rancangan kawasan dalam akhbar. Pihak awam terlibat secara langsung terhadap pembangunan yang dijalankan.*

4 ***Penyiasatan, Perbicaraan dan Pertimbangan Bantahan***
*Penyiasatan, perbicaraan dan pertimbangan perlu dibuat terhadap semua bantahan awam yang diterima.*

5 ***Penerimaan Rancangan Kawasan Khas***
*Pihak berkuasa perancang tempatan membuat ketetapan untuk menerima rancangan kawasan khas dengan atau tanpa pindaan.*

6 ***Perakuan Menepati Syarat***
*Pihak berkuasa perancang tempatan mengeluarkan 'Perakuan Menepati Syarat' menunjukkan penyelarasan rancangan kawasan khas dengan rancangan tempatan dan rancangan struktur.*

7 ***Pemberitahuan dan Penyerahan Kepada JPN***
*Pihak berkuasa tempatan mengemukakan Rancangan Kawasan Khas kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan.*

8 ***Mewartakan Rancangan Kawasan Khas***
*Pihak berkuasa perancang tempatan mewartakan penerimaan Rancangan Kawasan Khas. Disiarkan dalam warta kerajaan dan sekurang-kurangnya 2 buah akhbar tempatan dengan mencatitkan tempat pelan kawasan khas boleh diperiksa oleh orang ramai.*



# CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN

## RKK KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM, KAJANG 2020

### 1 Cadangan Pembinaan dan Menaiktaraf Jalan

- *Cadangan Pembesaran Jalan Sungai Ramal Dalam*
  1. *Rizab 100' Rekabentuk 'Ream U3 Type 2'*
  2. *Panjang 1,476 meter*
- *Cadangan Naiktaraf dan Pembinaan Jalan Angsana*
- *Cadangan Pembesaran Jalan Saujana dan Jalan ABIM*
- *Cadangan Naiktaraf Jalan Imam dan Jalan Selamat*

### 2 Cadangan Memperbaiki Sistem Saliran dan Penyediaan Kolam Retensi

- *Cadangan Naiktaraf Sungai Kilat Hitam dan Penyediaan Kolam Retensi (Wet Pond) -Lot 2220*
- *Cadangan Kolam Retensi (Dry Pond) dan Kawasan Rekreasi -Lot 1620*

### 3 Cadangan Pusat Komuniti

- *Kemudahan komuniti secara integrasi bagi memenuhi keperluan penduduk dalam ruang interaksi sosial.*
- *Pengambilan Balik Tanah -Lot 1619*

### 4 Cadangan Pembinaan Masjid

- *Pembinaan masjid di atas sebahagian Lot 27078 (Lot 1671) dan telah dipersetujui oleh MAIS.*
- *Tidak memerlukan pengambilan balik tanah.*

### 5 Cadangan Naiktaraf Sistem Pembentungan

- *Menyambungkan paip pembentungan ke loji berpusat di Bandar Baru Bangi.*
- *Menutup tangki-tangki septik sedia ada.*

### 6 Cadangan Penyediaan Tangki Air

- *Cadangan Tapak Tangki Air*
  *Pengambilan Balik Tanah -Lot 1617*
- *Cadangan Tapak Tangki*
  *Pengambilan Balik Tanah Sedut dan Rumah Pam -Lot 1666*

# APA PERANAN ANDA ?

ANDA BOLEH MEMERIKSA LAPORAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM, KAJANG 2020 SEPANJANG PROGRAM PUBLISITI DIADAKAN:

| TARIKH | WAKTU PEMERIKSAAN | TEMPAT |
|---|---|---|
| 15 FEBRUARI 2014 hingga 15 MAC 2014 | 9.00 pagi - 4.00 petang (ISNIN - JUMAAT) | • Balairaya Kampung Sungai Ramal Dalam Kajang<br>• Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj<br>• Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor |
| | 9.00 pagi - 1.00 petang (SABTU) | • Balairaya Kampung Sungai Ramal Dalam Kajang |

**[ ANDA JUGA BOLEH MEMBELI CD LAPORAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM, KAJANG 2020 DI BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG. ]**

*Sekiranya anda mempunyai bantahan dan cadangan terhadap laporan tersebut, anda dialu-alukan untuk menyampaikan melalui Borang Bantahan Awam yang disediakan dan mengembalikannya kepada alamat yang dinyatakan di bawah sebelum atau pada 15 Mac 2014.*


YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKJ JALAN CEMPAKA PUTIH,
OFF JALAN SEMENYIH,
43000 KAJANG, SELANGOR
(u.p : Pengarah, Jab. Perancangan Pembangunan)
TEL : 03 - 8737 7899
sambungan 4004/4009/4068
FAKS : 03 - 8733 1260


*Draf*

## RANCANGAN KAWASAN KHAS KAMPUNG SUNGAI RAMAL DALAM KAJANG 2020

# PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

